

Abu Hassan mungkin bertanding Naib Presiden

UM - 6 JAN 2000

SHAH ALAM 5 Jan. —
Menteri Besar Selangor,
Datuk Seri Abu Hassan
Omar hari ini tidak menol-
ak kemungkinan bertand-
ing merebut jawatan
Naib Presiden UMNO pa-
da pemilihan parti itu 11
Mei depan.

Bagaimanapun kata-
nya, beliau terlebih dahu-
lu akan berunding dengan
barisan kepimpinan Ba-
dan Perhubungan UMNO
Negeri mengenai perkara
itu.

“Saya perlu runding
dulu dengan Perhubungan
UMNO Negeri jika ada
pencalonan untuk bertand-
ing merebut salah satu
daripada tiga jawatan
naib presiden pada pemi-
lihan kali ini,” katanya.

Abu Hassan yang juga
Ahli Majlis Tertinggi (MT)
UMNO berkata demikian
di sini ketika diminta men-
gulas perkembangan da-
lam parti itu menjelang
perhimpunan agung UM-
NO 11 Mei ini.

Sebelum itu beliau
mempengerusikan mesyu-
arat pertama Exco Kerajaan
Negeri bagi alaf baru.

Memerlukan

Menteri Besar memberi-
tahu, bagi merebut kerusi
Naib Presiden UMNO, se-
seorang calon itu memer-
lukan 17 pencalonan dan
dengan itu beliau terpaksa
fikir dan kaji perkara itu.

Sebelum ini, tiga pe-
mimpin UMNO sudahpun
menawarkan diri untuk
bertanding merebut ja-
watan Naib Presiden.

Mereka ialah Menteri di
Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Dr. Rais Yatim;
Menteri Luar, Datuk Seri
Syed Hamid Albar dan
Menteri Besar Perlis, Da-
tuk Seri Shahidan Kas-
sim.

Menyentuh mengenai
kenyataan Perdana Men-
teri, Datuk Seri Dr. Maha-
thir Mohamad agar ahli-
ahli UMNO menolak pe-
mimpin yang mengguna-
kan politik wang, Abu
Hassan menambah, nasi-
hat Presiden UMNO itu
perlu dipandang serius
oleh semua ahli UMNO.

Tegasnya, nasihat Dr.
Mahathir itu bertujuan
untuk membebaskan
UMNO daripada sebarang
politik wang yang boleh
menghancurkan parti.